



**JAYAKAN PERKHIDMATAN BERKUALITI DAN DINAMIK
“PLANNING : BEYOND CONVENTIONAL”**

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**Yang Berusaha TPr Gs Dr. Shamsaini binti Shamsuddin
Ketua Pengarah
PLANMalaysia**

Sempena

**PROGRAM SEBARAN PERUNDANGAN DAN MAKLUMAT
PERANCANGAN PEGAWAI UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)
DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2021**

Tarikh : 17 Ogos 2021 (Selasa)
Masa : 9.00 pagi hingga 5.00 petang
Platform : Secara Dalam Talian, Aplikasi Webex
Pautan : <https://signin.webex.com/join>
No. Mesyuarat : 184 105 8758
Kata Laluan : g3PxPa3U3Pd

Bismillahir rahmanir rahim ...

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

YBrs. TPr Jasmiah binti Ismail

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), PLANMalaysia;

YBrs. TPr Dr. Alias bin Rameli

Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia;

Pn. Sanisah binti Shafie

Pengarah Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, PLANMalaysia selaku urus setia bagi program pada hari ini;

En. Shahidi bin Yusop,

Timbalan Pengarah, Bahagian Rancangan Fizikal Negara, PLANMalaysia;

TPr Zamirzan bin Puji

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perunding Kawalan Pemajuan, Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT;

Yang Dihormati Ketua dan Pegawai Unit Pusat Setempat (OSC); serta

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

UCAPAN ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama pada pagi ini dalam **Program Sebaran Perundangan dan Maklumat Perancangan Pegawai Unit Pusat Setempat (OSC) di Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2021** yang melibatkan semua **Ketua Unit dan Pegawai-Pegawai Unit Pusat Setempat (OSC)** di 95 buah PBT di Semenanjung Malaysia.
2. Di kesempatan ini, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua yang hadir secara dalam talian (*online*), selaras dengan pelaksanaan SOP yang diarahkan oleh Kerajaan. Oleh itu, program sebaran ini dilaksanakan secara *Video Conference (VC)* melalui Aplikasi Webex.

TUJUAN PROGRAM SEBARAN

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

3. Program sebaran ini **merupakan platform terbaik dalam memperkukuhkan hubungan dan juga kerjasama** antara PLANMalaysia dan Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai OSC yang ditempatkan di PBT bagi melancarkan proses pembangunan di peringkat tempatan, khususnya.
4. Telah menjadi satu ketetapan kepada PLANMalaysia melalui Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan untuk **mengadakan program sebaran ini secara berkala pada setiap tahun** bagi mengumpulkan Pegawai Perancang Bandar dan Desa (Pegawai Kader) selaku Ketua Unit dan Pegawai-Pegawai Unit Pusat Setempat (OSC) di Semenanjung Malaysia.

5. Selain itu, program ini juga dapat **menyebarkan input dan informasi berkaitan perancangan dan pembangunan nasional** kepada pegawai-pegawai OSC di PBT yang **berperanan sebagai DUTA di peringkat tempatan** yang mewakili PLANMalaysia dan Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT.

6. Semalam, 16 Ogos 2021, **Mesyuarat Ketua Unit Pusat Setempat (OSC) di Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2021** telah diadakan yang mana satu pembentangan mengenai Cadangan Peranan Pegawai OSC Sebagai Duta Memperkasakan PLANMalaysia dan Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT di peringkat tempatan telah dibuat oleh Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan. Antara perkara yang telah digariskan dalam cadangan tersebut adalah:
 - i. Pegawai OSC yang berperanan sebagai DUTA merupakan **WAKIL** kerajaan menyampaikan hasrat dan misi PLANMalaysia dan JKT, KPKT;
 - ii. Pegawai OSC juga dilantik sebagai **JURUCAKAP** bagi mempromosikan produk

- dan program PLANMalaysia dan JKT,KPKT di peringkat tempatan; dan
- iii. Menjadi **PERANTARA** dalam memastikan keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan Persekutuan di peringkat tempatan.

BUDAYA INTEGRITI

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Walaupun aspek integriti tidak akan dibincangkan dalam perkongsian dan pembentangan kertas kerja pada hari ini, adalah menjadi tanggungjawab saya sebagai Ketua Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa untuk sama-sama ingat-mengingati berkenaan aspek integriti.
8. Kebelakangan ini banyak diperkatakan mengenai isu yang melibatkan kebertanggungjawaban dan integriti, terutamanya dalam kalangan penjawat awam. Kepentingan meletakkan budaya berintegriti di tahap tertinggi bukan sesuatu yang baharu. Ia

menjadi keutamaan dalam hidup kita sepanjang masa.

9. Amanah atau integriti merupakan salah satu sifat mulia yang dizahirkan oleh Nabi Muhammad SAW. Ajaran untuk bersifat amanah ini seiring dengan perintah ALLAH SWT seperti yang dinyatakan dalam Surah An Nisa, ayat 58 yang ertinya **“Sungguh, Allah menyuruhmu menyampaikan amanah kepada orang yang berhak menerimanya dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia, hendaknya kamu menetapkannya dengan adil. Sungguh, ALLAH sebaik-baik yang memberi pengajaran kepadamu. Sungguh, ALLAH Maha Mendengar, Maha Melihat”**.
10. Terdapat beberapa elemen penting yang dapat memperkukuhkan penghayatan dan pembudayaan nilai-nilai integriti dalam kehidupan sebagai penjawat awam iaitu, kita hendaklah memantapkan pegangan hidup, iman dan menguatkan ketinggian sahsiah keperibadian bagi memastikan diri kita terus

istiqamah dengan sifat-sifat mahmudah dan integriti dalam diri.

11. Namun, kadangkala apabila berlaku konflik kepentingan, khususnya di kalangan pegawai di Unit Pusat Setempat (OSC), tuan-tuan dan puan-puan perlu memberi keutamaan kepada kepentingan awam. Adalah menjadi kewajipan untuk melaksanakan segala amanah dengan sebaiknya supaya tahap kepercayaan rakyat terhadap penjawat awam tidak terjejas sehingga boleh mengganggu kestabilan, keselamatan dan keharmonian negara.

PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN DI UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

12. Sebagaimana kita semua sedia maklum, **tujuan utama penubuhan OSC adalah untuk menambahbaik sistem penyampaian prosedur dan proses cadangan pemaajuan dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.**

13. Adalah menjadi harapan PLANMalaysia, supaya OSC menjadi salah satu cabang kolaborasi antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Tempatan dalam meningkatkan sistem penyampaian kerajaan. Di mana dasar-dasar atau polisi-polisi yang dirangka di peringkat Persekutuan dapat disalurkan terus kepada Kerajaan Tempatan melalui kolaborasi ini. Selari dengan tugas-tugas yang telah diberikan, tuan-tuan dan puan-puan telah banyak memberikan sumbangan dalam memastikan segala proses dan prosedur kerja dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

PERANCANGAN PROGRAM PERKONGSIAN OLEH PEGAWAI OSC

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

14. Bagi merealisasikan dan memperkemaskan lagi peranan pegawai OSC sebagai DUTA, pelbagai program sebaran yang dilaksanakan oleh PLANMalaysia dan JKT, KPKT turut dipanjangkan kepada pegawai-pegawai OSC di PBT agar dapat melibatkan diri dan sekaligus dimanfaatkan dalam tugas

seharian. Antara program yang telah dilaksanakan ialah seperti:

- i. *Post Pandemic Covid-19*: Proses Kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelaksanaan Mesyuarat OSC oleh Jabatan Kerajaan Tempatan;
- ii. Pentadbiran Tanah – Proses dan Prosedur dari Perspektif Kebenaran Merancang oleh Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN);
- iii. Perakuan Praktis (*Certificate of Practice*) – Pelaksanaan Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan Sijil Perakuan Praktis oleh Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM);
- iv. Pemantapan Integriti Penjawat Awam oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN);
- v. Agenda Perbandaran Baharu (NUA) oleh *Urbanice* Malaysia; dan banyak lagi kertas kerja yang telah dibentangkan melalui program ini.

15. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan telah menyediakan cadangan pelaksanaan program sebaran kepada

pegawai-pegawai OSC secara tahunan bagi menjalankan tanggungjawab dan berperanan sebagai DUTA di peringkat tempatan.

16. Pada hari ini, perkongsian ke arah menjadikan tuan-tuan dan puan-puan sebagai DUTA di peringkat tempatan, akan dimulakan dengan empat (4) perkara utama, iaitu:

Kertas Kerja 1:

OSC 3.0 Plus : Isu-isu Pelaksanaan oleh **Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)**;

Kertas Kerja 2:

Draf Rancangan Fizikal Negara Ke-4 oleh **Pengarah Bahagian Rancangan Fizikal Negara**;

Kertas Kerja 3:

Prosedur Permohonan Penginapan Pekerja Sementara Secara Jangka Pendek (TLQ) oleh **Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan**; dan

Kertas Kerja 4:

Dimensi Baharu Pengurusan Perancangan oleh
**Unit Malaysia Urban Observatory (MUO),
Pejabat Projek Zon Tengah.**

17. Sehubungan dengan itu, diharap tuan-tuan dan puan-puan, sebagai pegawai OSC boleh menyebarkan dan mempromosikan produk dan inisiatif yang dikongsikan dalam program sebaran hari ini kepada PBT atau agensi-agensi lain di peringkat tempatan mahu pun di peringkat negeri masing-masing.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

18. Kepimpinan tertinggi Jabatan sudah tentunya akan disokong oleh pelbagai peringkat lapisan pegawai. Justeru itu, adalah menjadi harapan saya, agar tuan-tuan dan puan-puan yang telah dilantik sebagai Ketua Unit dan Pegawai Unit Pusat Setempat (OSC) dapat menjadi sebahagian daripada organisasi PLANMalaysia dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT dalam memberi sumbangan dan

memartabatkan peranan perancang bandar dan desa melalui pelaksanaan dan penyelarasan perancangan di peringkat PBT dan negeri.

19. Oleh itu, tuan-tuan dan puan-puan perlu bergerak seiring dan berganding bahu di dalam memastikan misi dan visi Jabatan tercapai dengan jayanya. Harapan saya, KITA sebagai satu pasukan akan dapat membentuk hala tuju masa hadapan Jabatan ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang serta dapat mengubah cara kita berfikir.

20. Saya ingin kongsi kata-kata hikmah daripada Dr. Suzan Johnson Cook, wanita pertama yang dilantik sebagai Duta di United States of America berkaitan dengan peranan DUTA iaitu *“They’re the person that we put out to promote rodeo (an exhibition or competition). They’re expected to have huge knowledge of rodeo (and) to attend a ton of community events. It’s a big responsibility. It’s not just being a beauty queen. They’re an ambassador”*. Beliau menekankan bahawa DUTA perlu mempunyai pengetahuan mendalam bagi setiap perkara yang

dilaksanakan, mewakili agensi dengan sifat terpuji dan bertanggungjawab. Ini adalah kerana seorang DUTA berdiri di atas pentas yang menjadi perhatian semua.

21. Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan terima kasih di atas usaha dan kerja keras semua Ketua Unit dan Pegawai-pegawai di Unit Pusat Setempat (OSC) dalam memantapkan fungsi dan peranan tuan-tuan dan puan-puan di PBT masing-masing.

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**